

26/05/2003

Kerajaan perlu kaji semula keberkesanan TKKK

Datuk Subahan Kamal

SYABAS kepada Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) kerana sanggup meneruskan rawatan pemindahan sum-sum tulang ke atas pesakit talaseia, Natasya Amira Mohd Nor, 9, walaupun keluarganya tidak mampu membiayai kos

rawatan yang dianggarkan RM45,000.

Tindakan PPUM mengambil langkah atas dasar perikemanusiaan ini perlu dipuji dan dicontohi oleh pusat perubatan swasta.

Mereka perlu merealisasikan matlamat penubuhan masing-masing, selain menyelamatkan nyawa, memberikan perkhidmatan terbaik kepada sakit, tanpa mementingkan keuntungan semata-mata.

Unit Pengaduan Awam akan turut membantu usaha murni PPUM dengan cuba mencari sumbangan kepada Tabung Pesakit PPUM.

Namun, dalam pada itu, kami terkilan dan ingin bertanya apa sudah jadi dengan Tabung Kebajikan Kesihatan Kebangsaan (TKKK).

Tabung itu ditubuhkan bagi membantu pesakit kronik yang memerlukan bantuan segera di negara ini.

Difahamkan, TKKK diberi peruntukan awal oleh kerajaan sebanyak RM5 juta, ditambah RM100 juta dalam Bajet 2003 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan pada Oktober 2002.

Kami ingin tahu apa fungsi tabung itu jika hingga hari ini, masih ada masyarakat kurang berada memohon bantuan dan derma daripada orang ramai.

Desakan dan rayuan Pemuda Umno agar satu tabung kebajikan bagi membantu

pesakit kronik disediakan disahut oleh kerajaan dengan penubuhan TKKK.

Namun, melihat kepada rayuan mereka kurang berada bagi membiayai perubatan ahli keluarga masing-masing melalui media sekarang, seolah-olah

tabung itu tidak wujud sama sekali.

Dengan peruntukan lebih RM105 juta, mengapa wang daripada TKKK tidak digunakan untuk membantu mereka yang miskin dan amat memerlukan bantuan bagi membiayai rawatan dan perubatan.

Pemuda sarankan, sekiranya Kementerian Kesihatan tidak dapat menjalankan

penyelenggaraan tabung itu dengan berkesan, tanggungjawab itu dipindahkan

ke kementerian lain.

Ia juga boleh diletakkan dalam pengawasan serta pengendalian satu `badan

khas' yang ditubuhkan untuk menyelia serta mengawal dan mengendalikan tabung itu.

Ahli jawatankuasa serta lembaga pengarah badan khas itu tidak semestinya

dari kalangan pegawai tertinggi kementerian terbabit saja, malah ahli masyarakat yang banyak menyumbang serta mempunyai kepercayaan kerajaan untuk mengendalikan tabung itu.

Hingga hari ini, syarat untuk memohon bantuan daripada TKKK pun masih

tidak jelas.

Permohonan Pemuda supaya syarat hanya mereka berpendapatan tidak lebih RM600 sebulan layak memohon dan menerima bantuan daripada tabung itu dikaji juga belum diperjelaskan lagi oleh Kementerian Kesihatan.

Pemuda memohon agar mereka berpendapatan tidak lebih RM2,000 atau mengikut kes tertentu serta tanggungan pemohon, layak memohon dan menerima bantuan itu.

Oleh itu, kami memohon agar pengendalian dan keberkesanan TKKK dikaji semula oleh kerajaan.

Kami juga berharap agar matlamat asal penubuhan tabung ini untuk membantu masyarakat yang memerlukan bantuan kewangan bagi menyelamatkan nyawa seseorang dilaksanakan segera.

Ini penting kerana ia seiring dengan konsep kerajaan prihatin yang antara lain memastikan rakyat mendapat perkhidmatan perubatan terbaik tanpa halangan birokrasi dan kelekaan pihak yang mengendalikan tabung itu.

DATUK SUBAHAN KAMAL,
Ketua Unit Pengaduan Awam,
Pemuda Umno.